

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 1/1981

KADAR PREMIUM TAMBAHAN BAGI TANAH-TANAH YANG DIUBAH JENIS KEGUNAAN DI BAWAH SEKSYEN 124 KTN

1. Pekeliling ini dikeluarkan ialah untuk memaklumkan kepada semua Pemungut Hasil Tanah mengenai perubahan kadar premium tambahan bagi tanah-tanah yang diubah jenis kegunaannya di bawah Sek. 124 K.T.N.
2. Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam mesyuaratnya pada 28.1.1981 telah meluluskan Kertas Bil. 2/33/8 (6) mengenai perkara di atas. Dengan keputusan ini kadar premium tambahan hendaklah dikenakan mengikut kadar yang baru sebagaimana diperturunkan di bawah ini :-

<u>Daripada</u>	<u>Kepada</u>	Kadar bayaran (Peratusan atas perbezaan harga tanah mengikut jenis kegunaan sekarang dengan harga tanah jenis baharu)
(a) Pertanian	(i) Bangunan Kediaman – kurang daripada 5 buah atau untuk kegunaan sendiri.	1%
	(ii) Bangunan Kediaman – 5 buah atau lebih untuk dijual / disewa.	5%
(b) Pertanian	(i) Bangunan Perniagaan – kurang daripada 5 buah atau untuk kegunaan sendiri.	2%
	(ii) Bangunan Perniagaan – 5 buah atau lebih untuk dijual / disewa.	10%
(c) Pertanian atau Bangunan	Perindustrian –	
	(i) Modal kurang daripada \$50,000.00	5%
	(ii) Modal \$ 50,000.00 hingga \$100,000.00	10%
	(iii) Modal lebih daripada \$100,000.00 hingga \$ 250,000.00	15%
	(iv) Modal lebih daripada \$250,000.00	20%

3. Kadar premium tambahan yang baharu ini berkuatkuasa mulai 28.1.1981. Ini bermakna semua permohonan yang diterima oleh Pemungut Hasil Tanah pada atau selepas 28.1.1981 hendaklah dikenakan kadar baharu.
4. Arahan PTG Bil 5/1977 adalah dengan ini dibatalkan. Tetapi kadar pengenaan premium denda bagi pelanggaran syarat hendaklah dikenakan mengikut Pekeliling PTG Bil. 7/1976 seperti biasa.
5. Semua Pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini diminta mengambil perhatian perubahan ini dan mengenakan kadar yang baharu apabila membuat pengesyoran untuk kelulusan bagi permohonan-permohonan yang berkenaan.

Saya yang menurut perintah,

t.t

(Ab. Hamid bin Hj. Abu Bakar)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA

Semua Ketua Jajahan.

Semua Pemunggut Hasil Tanah

S.K.

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan, Kota Bharu.

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri,
Kelantan, Kota Bharu.

YB. Dato' Penasihat Undang-Undang
Kelantan.

Pengarah Ukur,
Kelantan.

Pengarah TAKDIR,
Kelantan.

Pengarah Penyelesaian Tanah,
Kelantan.

Setiausaha Menteri Besar,
Kelantan

Ketua Cawangan Odit,
Kota Bharu.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, TKT. BAWAH KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**